

## Ahimsa Mahatma Gandhi: Perspektif Tokoh Hindu di Malaysia

### *Ahimsa of Mahatma Gandhi: Malaysian Hindu Scholars' Perspectives*

ZULKEFFLY ADIMUN & INDRIATY ISMAIL

#### ABSTRAK

*Ahimsa, konsep tanpa kekerasan mempunyai pengaruh yang besar samaada dalam dunia akademik, agama, politik dan pergerakan sosial. Ia telah menjadi bahan kajian oleh ramai pengkaji dan juga pengamal politik atau aktivis yang memperjuangkan hak mereka. Makalah ini ditulis untuk mendapatkan perspektif baru berkenaan ahimsa Mahatma Gandhi iaitu daripada tokoh-tokoh Hindu di Malaysia. Objektifnya adalah untuk melihat ahimsa dari sudut pandang tokoh-tokoh agama Hindu di Malaysia, seterusnya menilaikan kebolehterimaannya di dalam negara ini. Kajian ini berekabentuk kualitatif, di mana kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah temubual responden. Temu bual dijalankan melibatkan tokoh-tokoh Hindu yang memegang jawatan penting di Ibu Pejabat pertubuhan mereka di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Data-data yang diperoleh dibenteng dalam bentuk deskriptif. Hasil kajian mendapati, ahimsa secara umumnya dapat diterima dalam pengamalan di Malaysia. Namun, terdapat perbezaan pandangan berkenaan pengamalan ahimsa Gandhi dalam konteks dan suasana di negara ini. Ini menunjukkan bahawa Gandhi dengan ahimsanya tidak diterima secara sepakat oleh tokoh-tokoh Hindu walaupun konsep ahimsa ini ada dalam agama mereka.*

*Kata kunci: Ahimsa; Mahatma Gandhi; Hindu Malaysia; tokoh Hindu; konsep tanpa kekerasan*

#### ABSTRACT

*The concept of nonviolence or Ahimsa has great influence whether in academic, politic, religion and social movements. It has become a study material by many researchers as well as political practitioners or activists who fight for their rights. This paper was written to get a new perspective on ahimsa Mahatma Gandhi, from the Hindu figures in Malaysia. The objective is to look at ahimsa from the point of view of Hindu religious figures in Malaysia, thus evaluating its acceptability in this country. This study is qualitative, where the method of data collection used is interview. The interviews were held involving Hindu figures who held important positions at the headquarters of their organizations around Selangor and Kuala Lumpur. The data obtained are presented in descriptive form. The findings show that ahimsa is generally acceptable in practice in Malaysia. However, there is a difference in views on Gandhi's practice of ahimsa in the context and atmosphere of this country. This shows that Gandhi with his aim is not accepted in agreement by Hindu figures although the concept of ahimsa is in their religion.*

*Keywords: Ahimsa; Mahatma Gandhi; Malaysian Hindus, Hindu scholar; non-violent*

#### PENGENALAN

*Himsa* perkataan dari bahasa Sanskrit yang bermaksud melakukan kekerasan dan kecederaan kepada yang lain. *Ahimsa* pula bermaksud suatu perkara yang tidak melibatkan kekerasan dan kecederaan kepada yang lain (Walli 1974:15). Pada masa kini, ahimsa adalah satu konsep yang diterima pakai oleh beberapa agama di India seperti Hindu, Jain dan Buddha. Oleh itu ia bukan

satu konsep yang asing bagi mereka. Konsep ini menggalakkan penganutnya untuk berbuat baik kepada setiap hidupan atas muka bumi kerana kekerasan merupakan satu kesalahan jika dilakukan oleh pelakunya.

Gandhi (1869-1948) merupakan seorang pejuang kemerdekaan di India. Beliau awalnya berkerja sebagai penguam dan meninggalkan bidang pekerjaan kepada aktivis gerakan tanpa kekerasan untuk menentang pemerintahan British

di India. Konsep yang beliau pegang adalah ahimsa yang beliau terjemahkan dalam bentuk pergerakan sosial yang menggunakan konsep tanpa kekerasan. Gandhi menamakan gerakannya dengan nama *Satyagraha* yang bermaksud kuasa kebenaran. Ia juga bermaksud keselamatan dan keamanan (Fischer 1951:59). Konsep ini digunakan olehnya semasa menentang British di Afrika Selatan pada tahun 1908 (Fischer 1951:63) dan di India pada tahun 1918 (M. K. Gandhi 2000:83). Ketika di India, konsep ini menjadi lebih dikenali terutama selepas perarakan garam pada tahun 1930 yang melibatkan ramai orang yang turut serta. Konsep ini merupakan satu perkara yang telah sebatikan dalam diri beliau kerana sejak kecil beliau dididik dengan konsep ahimsa ini secara tidak formal (M. K. Gandhi 2015:18).

#### AHIMSA VS TANPA KEKERASAN

Ahimsa diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris sebagai *non-violence* atau tanpa kekerasan. Dalam gerakan yang diasaskan oleh Gandhi, ahimsa merupakan intipati yang dijadikan asas dan dasar. Beliau tidak menamakan gerakan beliau dengan gerakan ahimsa. Beliau juga tidak menggunakan nama *non-violence movement* walaupun konsep yang beliau pegang mempunyai persamaan dengan nama tersebut. Beliau memahami bahawa gerakan *non-violence movement* dalam bahasa Inggeris dikaitkan dengan pergerakan sosial yang menuntut pembaharuan dan perubahan dalam pemerintahan dan politik yang mempunyai unsur-unsur negatif. Justeru beliau menamakan gerakan beliau dengan nama *Satyagraha* yang lebih bersesuaian dengan prinsip beliau yang berpegang teguh dengan agama. Pada beliau, agama dan gerakan keamanan adalah suatu yang tidak dapat dipisahkan (Sarma 2001:144).

Pandangan Gandhi berkenaan gerakan tanpa kekerasan tidak sama dengan pengkaji-pengkaji lain. Ini disuarakan oleh Sharp (1959a:41) yang menyebut bahawa gerakan sosial yang menggunakan konsep tanpa kekerasan terdapat berbagai jenis. Penggunaan istilah ini mempunyai kebarangkalian untuk disalahfahami oleh mereka. Ini kerana menurut beliau terdapat sesetengah pengkaji telah menyamakan antara pasifisme dan penentangan pasif, sebagai contoh. Tidak dinafikan bahawa gerakan-gerakan ini mempunyai unsur-unsur ahimsa di dalamnya. Dari sudut pandang selain Gandhi, gerakan tanpa kekerasan dinamakan dengan pelbagai nama seperti *non-resistance*, *active reconciliation*, *moral resistance*, *selective non-*

*violence*, *passive resistance*, *peaceful resistance*, *non-violent direct action* dan *non violent revolution*. Setiap satu ini mempunyai takrifan yang berbeza mengikut pengasas setiap gerakan (Sharp 1959a:46).

Ahimsa Gandhi telah menerima pengiktirafan antarabangsa di mana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan 2 Oktober sebagai *Non-Violence Day* (United Nations, t.th.) yang mana tarikh tersebut merupakan hari kelahiran Gandhi. Walaupun begitu, penerimaan pihak antarabangsa berkenaan konsep tanpa kekerasan adalah tertakluk kepada keadaan tertentu. Terdapat kes di mana pihak pemerintah melalui undang-undang yang ada telah menyekat dan melarang demonstrasi tanpa kekerasan dan aman dengan justifikasi tertentu, namun ada kalanya ia dibenarkan. Hal ini disebabkan setiap pendemonstrasi perlu mengemukakan alasan munasabah dan membuktikan bahawa tindakan mereka akan mendapatkan impak yang besar dalam perubahan ke arah kebaikan. Ini kerana dalam penegakan undang-undang, justifikasi akan dibuat berdasarkan akta-akta yang telah digubal dan Perlembagaan sesebuah negara (Bauer dan Eckerstrom 1987:1181). Ini memperlihatkan konsep tanpa kekerasan bukanlah menjadi kemestian diterima dalam sesebuah negara berdaulat, namun dengan bersyarat.

Selain itu, penerimaan konsep tanpa kekerasan ini juga berbeza apabila ia dikaji dari sudut yang berbeza. Kejayaan sesuatu gerakan tanpa kekerasan menjadi faktor ia diterima oleh pengkaji pengkaji. Sebagai contoh, penentangan yang berlaku terhadap regim Marcos di Filipina pada tahun 1986. Perancangan yang dilakukan untuk menumbangkan regim tersebut ialah dengan memboikot dari sudut ekonomi dan pada masa yang sama para penentang ini mereka memboikot semua penyokong regim. Akhirnya sokongan makin bertambah di mana pihak tentera sendiri bersimpati dengan perjuangan mereka. Ini menyebabkan regim semakin lemah dan akhirnya ia kehilangan kuasa dan akhirnya hak dikembalikan kepada rakyat (Sharp & Safieh 1987:39). Di sini kuasa rakyat telah menafikan kuasa pemerintah lalu menjadikan rakyat lebih berkuasa daripada pemerintah itu sendiri.

Terdapat juga penentangan tanpa kekerasan yang tidak berjaya menghadapi pemerintahan kuku besi. Disebabkan ini, terdapat pengkaji yang memandang sinis terhadap konsep tanpa kekerasan. Sharp (1959b:153) memetik pandangan beberapa pengkaji lain seperti Hovstad, Jor, Wyller dan Jon Lewis yang menyebut "*it won't work with totalitarianism*".

ini disebabkan penentangan tanpa kekerasan telah banyak mengalami kekalahan disebabkan lawan mereka menggunakan senjata sedangkan mereka tidak bersenjata. Antara contohnya ialah Amsterdam General Strike 1940, German Socialist versus Bismark 1878-1890 dan Russian general strike 1905.

Pengkaji seperti Gelderloos (2007) pula secara jelas menolak konsep penentangan tanpa kekerasan kerana beliau menggambarkan ia sebagai “*ineffective, racist, statist, patriarchal, tactically and strategically inferior and deluded*”. Konsep tanpa kekerasan pada beliau tidak mempunyai takrifan yang khusus kerana keadaannya sentiasa berubah mengikut tafsiran seseorang yang mana ia ditakrifkan sebagai tanpa kekerasan sekiranya ia memberi manfaat kepadanya. Keadaan konsep tanpa kekerasan seringkali mengandungi unsur-unsur kekerasan tetapi dianggap sebagai tanpa kekerasan.

Penentangan Gandhi pula berbeza kerana pemerintah British ketika itu tidak menggunakan kekerasan terhadap penentang dan pemprotes. Kejayaan Gandhi sangat dikagumi oleh ramai pihak hingga ia mendapat sambutan dan ikutan oleh ramai pejuang kebebasan di serata tempat. Zunes (2000) di dalam *Nonviolent Action and Human Rights* menyebut berkenaan perkembangan hak asasi dalam politik dan sivil pada masa kini yang menyebabkan gerakan tanpa kekerasan juga semakin berkembang. Antara faktornya ialah kos gerakan bersenjata yang tinggi, mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda, termasuk kesan-kesan negatif yang didapati selepas peperangan. Keadaan sebegini telah mendorong gerakan tanpa kekerasan menjadi semakin kuat dan seterusnya menjadi pilihan kepada para pemprotes. Di sini Zunes sangat meraikan gerakan tanpa kekerasan kerana ia lebih membawa kesan positif dalam jangka panjang. Malah ia sangat bertepatan dengan hak asasi manusia kerana perjuangan mereka hanya untuk mendapatkan semula hak mereka dengan cara yang lembut dan tanpa kekerasan terhadap pihak lawan. Para pengkaji seperti Chenoweth dan Gallagher (2013) dalam artikelnya menyebut bahawa ‘tanpa kekerasan’ merupakan satu cara untuk mendapatkan perubahan dalam politik. Ia juga digunakan untuk mendapatkan tujuan yang pelbagai. Sebagai contoh kebangkitan Arab atau ‘*Arab Spring*’ pada tahun 2011 satu kejayaan yang tidak diperolehi dengan gerakan kekerasan.

Selain daripada kajian-kajian di atas, kajian ahimsa dari perspektif kitab suci Hindu telah

dijalankan oleh Olson (2014) di mana beliau mengkaji hubungan antara kekerasan dan tanpa kekerasan dari perspektif agama Hindu melalui kitab sucinya dan amalan kezuhudan yang biasanya diterjemahkan melalui amalan puasa. Beliau menyatakan bahawa kekerasan dan tanpa kekerasan mempunyai hubungan relatif. Ia berbeza jika dipandang dari sudut yang berbeza. Disebabkan ia mempunyai hubungkait dengan agama, justeru menjadikan kajian tentangnya perlu melalui suasana tradisi dan pengamalan di sesuatu tempat. Ini termasuklah gaya hidup zuhud yang menjadi amalan penganut agama. Ini kerana, justifikasi konsep agama terhadap tanpa kekerasan selalunya tidak sama dengan persepsi umum.

Konsep ahimsa ini boleh juga didapati daripada tulisan Gandhi sendiri seperti *The Story of My Experiment with Truth* (M. K. Gandhi, t.th.-a). Konsep ini bukanlah hanya sebagai satu taktik menentang ketidakadilan pemerintah (Bose 1981:159). Pandangan pengkaji berkenaan Gandhi amat positif seperti yang dinyatakan oleh Klitgaard (1971:143) bahawa Gandhi seorang yang hebat dan tidak syak lagi perjuangannya boleh dikatakan berjaya. Bodewitz (1999:18) pula dalam tulisannya menjelaskan asal usul ahimsa dan permasalahan yang berkaitan pemahaman ahimsa dari konteks masa kini. Beliau juga mengkaji perkembangan ahimsa dari sudut penggunaannya zaman dahulu seperti yang ada dalam kitab suci Hindu dan pengamalan pada konteks hari ini.

Ahimsa yang asalnya dari India kini telah berkembang ke Malaysia, sebuah negara berbilang kaum dengan anggaran bilangan penduduk sebanyak 32 juta orang. Peratusan penganut agama Hindu di negara ini seramai 1.77 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Mereka telah dibawa ke Tanah Melayu sejak kurun yang ke-18 oleh pihak British. Mereka juga membina kuil dan rumah ibadat untuk kegunaan keagamaan. Sejak itu semakin banyak organisasi muncul untuk menyebarkan fahaman dan amalan di kalangan mereka (Subramaniam 2011:51).

Pengaruh Ahimsa Gandhi dapat dilihat apabila ia telah digunakan oleh *Hindu Right Action Force* (HINDRAF) untuk mendapatkan hak yang mereka dakwa telah dinafikan oleh kerajaan Malaysia. Ia merupakan satu kumpulan yang tidak berdaftar berpusat di Malaysia. Mereka telah mengadakan perhimpunan tanpa permit dari pemerintah (Farish Ahmad Noor 2008:2). Mereka juga menyatakan bahawa cara yang mereka lakukan ini adalah

berdasarkan kepada konsep tanpa kekerasan yang dipelopori oleh Mahatma Gandhi (Pandi 2014:83). Tetapi pihak kerajaan Malaysia telah mengharamkan pertubuhan ini kerana ia telah dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara (Singh 2009:158). Seterusnya pada tahun 2007, Perdana Menteri Abdullah Badawi telah mengarahkan beberapa orang pimpinan HINDRAF ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) (Noor 2008:4).

Berdasarkan insiden tersebut, penerimaan konsep ini dan kefahaman berkenaan konsep ahimsa ini masih menjadi tanda tanya. Apakah tokoh-tokoh Hindu bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh kumpulan seperti HINDRAF atau mereka juga tidak bersetuju sebagaimana pihak kerajaan tidak bersetuju? Konsep ini jelas secara asasnya namun adakah ia juga suatu yang disepakati dalam kalangan tokoh-tokoh Hindu di Malaysia?

#### METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif menggunakan temu bual sebagai cara mendapatkan data. Para responden terdiri daripada kalangan mereka yang menjadi rujukan dalam agama Hindu untuk menjawab persoalan kajian yang telah dirangka. Metode ini diperlukan kerana ia melibatkan usaha untuk memahami konteks dengan meneliti suatu data secara lebih mendalam (Kuntjojo 2006:14).

Para responden merupakan wakil daripada institusi yang mereka wakili. Demi menjaga kerahsiaan para responden, penulis menggantikan nama mereka dengan kod TB1 hingga TB7. Bilangan para responden adalah seramai tujuh orang, yang mewakili institusi masing-masing yang berautoriti dalam hal yang berkaitan agama Hindu. Pemilihan dibuat berdasarkan fungsi mereka yang menjadi tumpuan dan rujukan dalam masyarakat. Bilangan mereka ini dianggarkan mencukupi untuk menjawab segala persoalan kajian dan ianya bersesuaian dengan kajian berbentuk kualitatif ini. Soalan-soalan yang dibentuk dijawab melalui temu bual yang dijalankan. Hasil daripadanya, suatu gambaran, informasi dan persepsi yang terperinci dapat dihipunkan. Soalan-soalan dibina berdasarkan tema-tema yang dikenalpasti. Lokasi temu bual adalah mengikut pilihan para responden sendiri. Sebelum sebarang temu bual dijalankan, penulis telah mendapatkan surat kebenaran temu bual daripada Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM. Surat-surat telah diedarkan kepada responden untuk

mendapatkan persetujuan mereka terlebih dahulu. Penulis telah bertandang ke tempat mereka untuk menjalankan temu bual tersebut. Temu bual berjaya dijalankan dengan baik atas sebab kerjasama yang diberikan oleh semua responden.

#### HASIL KAJIAN

Responden-responden yang terlibat dalam temubual merupakan di kalangan mereka yang memimpin pertubuhan agama Hindu dan ilmuan yang kajian mereka memfokuskan pengajian India. Pengalaman mereka yang sering berinteraksi dengan masyarakat menjadikan kajian ini sangat relevan dan memenuhi objektif yang telah dirangka. Para responden juga mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan ahimsa. Mereka juga mempunyai maklumat berkenaan Gandhi yang menjadi ikutan pencinta konsep tanpa kekerasan. Daripadanya terhasillah pandangan mereka yang tersendiri berkenaan ahimsa Gandhi ini. Di sini dibentangkan dapatan daripada temu bual yang dijalankan ke atas pemimpin dan ilmuan Hindu tersebut secara diskriptif bagi melihat hasil sebenar pandangan mereka berkenaan kebolehterimaan ahimsa Gandhi pada diri mereka. Hasil kajian menunjukkan para tokoh mempunyai perspektif mereka tersendiri berkenaan ahimsa Gandhi. Penerimaan dan penolakan disebutkan bersama dengan hujjah yang mereka gunakan untuk menyokong pandangan mereka. Hasil kajian ini juga dibahagikan kepada 3 bahagian. Pertama, Perspektif berkenaan ahimsa Gandhi. Kedua, penerimaan ahimsa Gandhi dan ketiga, penolakan ahimsa Gandhi.

#### PERSPEKTIF TOKOH AGAMA TERHADAP AHIMSA GANDHI

Para tokoh yang juga responden, mempunyai perbezaan pandangan berkenaan Gandhi. Gandhi dalam perjuangannya telah menggunakan konsep ahimsa, namun ia apabila diteliti adalah suatu konsep yang diolah sendiri oleh beliau dengan ahimsa sebagai asas. Satu daripada kesan pengamalan perkara ahimsa ialah beliau memaafkan orang yang cuba membunuh beliau. TB1 menyebut bahawa ahimsa Gandhi dan agama Hindu adalah tidak jauh beza secara asasnya:

“Di sini ternyata Mahatma Gandhi menggunakan konsepnya sendiri. Ahimsa ditunjukkan walaupun pembunuh itu, datang nak (mem)bunuh(nya) dia. Dia maafkan juga. Itu adalah satu keadaan yang luar biasa dari(nya)... kita tengok kalau rakyat sekarang

ke apa di dalam kitab pun...mengungkap kemaafaan itu ada, tapi tak sampai (sepertinya). Tidak ada orang seperti itu. Ahimsa tu konsep di (dalam) agama kita (sememangnya) ada. Dan apa yang Mahatma Gandhi amalkan itu adalah sekurang-kurangnya sama (TB1 2017)”

Walaupun begitu, TB3 menghuraikan dengan pandangan yang berbeza iaitu asal usul konsep ini bukanlah daripada Gandhi, bahkan ianya telah wujud sejak zaman Veda lagi. Konsep ini juga telah sebatu dalam masyarakat India pada zaman Gandhi sehinggalah masa kini. Daripada dua pandangan ini dapat dilihat bahawa ia pandangan yang selari dari sudut ianya bukan ciptaan Gandhi dan cara pengamalan Gandhi yang agak berbeza menyebabkan konsep ini menonjol dan kelihatan seolah-olah ia satu perkara yang baru wujud, pada hal ia tidak demikian. Ini disebut oleh TB3:

“Konsep ahimsa ini bukan yang sesuatu konsep yang telah dibawa oleh Mahatma Gandhi. Konsep (ini) diambil daripada amalan agama Hindu sejak zaman Veda. Bermakna (konsep ini) telah pun berada (dalam masyarakat) dan menjadi amalan dan kepercayaan masyarakat India sejak awal hingga kini. Oleh kerana beliau telah menggunakan konsep tersebut dalam politik telah menyebabkan beliau telah popular dengan konsep tersebut (TB3 2017)”

Berkenaan kejayaan konsep ini, responden menyatakan Gandhi telah meneliti setiap agama di India yang mana intipati konsep ahimsa ini telah wujud di dalam semua agama. Ajaran di India sejak sekian lama telah tersemat konsep ini. Ia mengajar perkara yang baik dalam kehidupan dengan mengamalkan tingkah laku yang baik dan bertatasusila. Amalan ini seharusnya diamalkan oleh semua. Namun, untuk penganut Hindu amalan vegetarian lebih ketara jika dilihat pengamalan konsep ahimsa ini. Tidak dinafikan lagi bahawa apa yang dilakukan dan diamalkan oleh Gandhi ini, merupakan konsep yang diambil dari kitab suci, cumanya telah disesuaikan dengan keadaan pada ketika itu. TB4 menyatakan:

“*Actually* ahimsa ni, dia ambil daripada *teaching India* lah. *We said* konsep diakan, *it's actually connected to many ideologies. Many ideologies mean it's talking about concept* hidup, tingkah laku, moral atau pun cara tatatertib kehidupan seharian. *So, in daily life, we need to practice all that. So that's way in our religion, we are more like... we emphasize on vegetarianism. So* pertamanya memang dia ambil dari kitab suci kitalah. *So* aplikasi dia tu berlainan sedikit tapi konsep dia memang berasal daripada *religion.*(TB4 2017)”

Gandhi semasa mengamalkan ahimsa, beliau tidak membandingkan dengan agama lain. Beliau amat menghormati semua pegangan agama (Jashni & Mousavi t.th.). Menurut Gandhi kebenaran adalah tuhan (M. K. Gandhi t.th.). Oleh itu apa yang beliau praktikkan ini akan menjadi lebih universal, tidak terikat dengan mana bangsa atau agama. Keuniversalan yang dibawa inilah yang menjadi tarikan kepada semua pencinta keamanan. Ini antara sebab ia diterima. Pandangan tersebut adalah sebagaimana yang dikatakan oleh TB3:

“Dapat beliau melihat keseragaman konsep tersebut. *So*, sebab *tulah* dia semasa dalam amalan agama dia, dia tak lihat perbezaan diantara *Buddhism, Jainism, Christianity*, Islam dia melihat segala-galanya dengan pandangan yang sama tanpa menyebelahi mana-mana pihak, tidak buat perbandingan antara agama-agama. Dia cuma melihat konsep kesayangan itu lebih universal (TB3 2017).”

Gandhi dianggap sebagai seorang yang berpendirian teguh dengan prinsip hidupnya walaupun ada sebahagian yang menolak konsep beliau. TB3 sangat positif dengan kebolehan yang dimiliki oleh Gandhi. Ujaran beliau, “Walaupun mereka dilihat (melihat) dari pemikiran negatif, pandangan yang serong (terhadapnya) atau pun tidak menerima Gandhi. Tetapi Gandhi masih berpegang pada konsep. Pemikiran dia *clear* (TB3 2017).” Ini kerana Gandhi mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin masyarakat yang memiliki jiwa yang besar sebagaimana gelaran Mahatma. Kualiti inilah yang dimiliki oleh Gandhi. TB5 menyatakan pengamalan ahimsa perlulah berperingkat sehinggalah seseorang boleh menjadi pengabdian kepada kebenaran sebagaimana Gandhi. Sebagai permulaan, seseorang itu boleh memulakan dengan mengambil makanan yang tidak melibatkan pembunuhan haiwan. TB5 menyebut, hanya yang berjiwa besar sahaja mampu untuk menjadi seperti Gandhi. Ini jelas daripada perkataannya:

“Kita mesti ada jiwa besar, itu sebabnya Gandhi punya namapun jiwa besar. Mahatma bererti jiwa besar. Seluruh dunia Gandhi saja mendapat gelaran Mahatma. Mahatma itu gelaran bermaksud jiwa besar. Jadi kita nak membesarkan jiwa daripada satu lingkungan yang cukup keras, cukup kuat, nak pecahkan itu bukan main-main, nak keluar sikit pun susah. Kerana kita sekian lama sudah diajar mental *block* kita begitu berat. Jadi, kita nak keluar daripada itu kita memerlukan kesabaran dan betul-betul memahami *Ahimsa*. Jadi kita perkenalkan kasih-sayang, lepas tu *slowly* kita mulakan dari sudut pemakanan. (TB5 2017)”

Kesimpulannya, Gandhi merupakan seorang tokoh yang disegani ramai termasuklah para responden yang memuji kebolehan yang dimiliki oleh Gandhi. Sifat-sifatnya yang luarbiasa, istiqamahnya dalam perjuangan dan pengamalannya, dan banyak lagi ciri-ciri yang membuatkan beliau disegani ramai. Pandangan umum ini, memberi gambaran bahawa usaha murni beliau dengan penentangan menggunakan konsep ahimsa, sebenar-benarnya untuk mendamaikan, bukan untuk menghuru-harakan.

#### PENERIMAAN TERHADAP KONSEP AHIMSAA

Hasil daripada temu bual, sebahagian besar daripada responden bersetuju bahawa Gandhi telah menunjukkan contoh yang baik dalam penentangannya terhadap British. Beliau berusaha untuk tidak menggunakan kekerasan dalam gerakannya. Pandangan para responden terhadap Gandhi menunjukkan mereka sangat positif dengan ahimsa Gandhi. TB2 menyebut “*Like Gandhi*, walaupun British cuba menunjukkan kekerasan dia cuba berbaik-baik. Dia tidak *against*, dia cuba berbaik balik untuk kerjasama, boleh bertoleransi. *Give and take* lah banyak.” (TB2 2017)”

Gandhi menggunakan sentimen agama dalam mengajak pengikutnya untuk menyertai perjuangannya. Sentimen keagamaan ini disertakan dengan konsep ahimsa. Pandangan mereka yang ditemu bual, yang mengagumi Gandhi mereka menyatakan bahawa Gandhi sebagai tokoh yang wajar diikuti dalam setiap aspek. Ini dapat dilihat daripada gerakan yang wujud di seluruh pelosok dunia yang menggunakan Gandhi sebagai idola mereka.

“Memang sesuai sebab ahimsa ni keseluruhan negara boleh amalkan. Ia tidak terhad kepada Gandhi sahaja. Terdapat juga mereka yang menggunakan konsep tanpa kekerasan di Manila yang menjadikan Gandhi sebagai ikutan. Dia pun ada mengikut pengajaran dia. Ini tak da kekerasan tau, kita tak tunjukkan kekerasan kepada sesiapa pun. *We are not pushing everybody. We are not harming everybody. We are not screaming (to) anyone. So it's very diplomatic way and it also full of democracy. When you very democrat, when you very tolerant and you can work together. I think every country; every human being can leave peacefully.*” (TB2 2017)

Para pengkagum Gandhi seperti Abdul Ghaffar Khan dan Martin Luther secara jelas mengikuti jejak langkah Gandhi dalam melawan ketidakadilan yang berlaku di tempat mereka (Jashni & Mousavi t.th.). Para responden bersetuju bahawa apa yang dilakukan Gandhi diikuti oleh mereka

yang cintakan keamanan. Mereka begitu yakin hanya dengan penggunaan tanpa kekerasan sahaja dapat menghadapi pihak yang menindas mereka. TB3 berpandangan yang sama dengan TB2 di mana kedua-duanya menyatakan bahawa konsep ahimsa Mahatma Gandhi ini sangat sesuai dengan keadaan di Malaysia sebagaimana ianya diikuti oleh ramai pemimpin dunia. TB3 sangat positif dengan penerimaan ahimsa ini di Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

“Okey, konsep Gandhi ini telah diikuti oleh beberapa pemimpin-pemimpin terkenal didunia malah konsep ini boleh dibawa ke Malaysia. Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai etnik, masyarakat majmuk, pelbagai agama tetapi konsep ahimsa ini boleh diterima oleh setiap agama. Ini juga adalah amalan saya. Kita boleh ambil ahimsa ini.” (TB3 2017)

Kesan ini sekali lagi dijelaskan oleh TB3 bahawa sejarah Gandhi meninggalkan kesan mendalam terhadap dirinya. Kesan pembacaan buku mengenai Gandhi meninggalkan kesan yang baik terhadap pembacanya. Ia membuatkan pembacanya, ingin menjadi yang terbaik dan seterusnya mengamalkan apa yang pernah dilakukan oleh Gandhi.

“Sebagai contohnya, saya telah mula mengamalkan *vegetarian*, telah mula anuti perkara-perkara sedemikian setelah mendapat pendedahan dalam agama Hindu. Setelah saya membaca buku Mahatma Gandhi dan juga telah membaca biografi orang-orang yang telah mencapai tahap yang tertinggi dalam agama Hindu. Ramai telah menganuti konsep *vegetarian* atau pun konsep ahimsa.” (TB3 2017)

Kesan tersebut dapat dilihat dalam diri responden sendiri yang memahami dan mengamalkan ahimsa. Kesannya sangat positif dalam diri seseorang yang belajar menjiwai konsep ini. Mereka yang menelusuri kehidupan Gandhi akan mengikuti gaya hidupnya sebagai pengamal vegetarian dan juga konsep ahimsanya sebagaimana yang disebutkan di atas. Penerimaan terhadap ahimsa Gandhi ini dapat dilihat juga daripada pernyataan oleh responden yang bersetuju dengan Gandhi. TB2 menyebut perhimpunan secara aman adalah suatu yang wajar diberi kebenaran kerana ia merupakan hak seseorang sebagai individu kerana tidak mencederakan orang lain.

“Macam Gandhi dia memang ada *demonstrate* tapi dia (lakukan) secara aman. Dia tidak melawan balik British atau pun tunjukkan kekerasan. Secara aman sahaja dia buat. *As long it was in peaceful way, that's okey... it shouldn't harm anybody. It shouldn't hurt any specific person.*” (TB2 2017)

Ahimsa sebenarnya boleh diaplikasikan dalam semua perkara termasuklah politik. Walaupun pada masa kini, yang lebih dominan jika disebut ahimsa ialah gaya hidup vegetarian, namun ia boleh disesuaikan dalam semua aspek. Jika dilihat dalam situasi Malaysia, agama Islam adalah agama paling ramai penganutnya. Jadi untuk mendapatkan persefahaman dalam perkara ini, perkara yang perlu ditonjolkan adalah elemen-elemen yang disepakati oleh kedua-dua agama. Dengan ini perpaduan akan lebih mudah untuk dicapai dalam negara ini. TB3 menegaskan,

“Contohnya, ketepikan konsep makanan dan kita boleh ambil konsep ahimsa untuk setiap aspek lain sama ada dari segi politik atau ekonomi seperti mana kita ada ahimsa yang boleh dikenali sebagai konsep yang mengikuti agama Islam (TB3 2017)”

Konsep yang sebegini mengeratkan perpaduan antara kaum di negara ini dan dapat menambahkan keharmonian antara agama. Ini jelas daripada ungkapan oleh TB3 yang menerima ahimsa dan memandangnya dengan pandangan positif.

Penerimaan ahimsa ini dapat dilihat juga dari respon responden yang mencadangkan cara untuk pengamalan di negara kita yang berbilang kaum. Keharmonian boleh dicapai dengan menggunakan nilai-nilai yang disepakati oleh pelbagai agama. Ahimsa sendiri mempunyai nilai-nilai murni yang tiada percanggahan dengan agama lain kerana ia hanya memfokuskan kesederhanaan dalam semua aspek. Untuk disesuaikan dengan negara ini, penggunaan istilah yang bersesuaian diperlukan. Ini kerana ahimsa berasal dari bahasa Sanskrit. Jika nilai yang terkandung di dalamnya diambil intipatinya dan diterapkan dalam masyarakat, tidak syak lagi ia akan diterima oleh semua bangsa dan agama di negara ini. Keharmonian adalah perkara utama untuk diambil berat demi menyatukan pelbagai kebudayaan di Malaysia. TB3 menjelaskan ahimsa yang sepatutnya diamalkan di negara ini:

“Cadangan saya adalah kita ambil intipati ahimsa. Jangan ambil terminologi ahimsa kerana ramai tak suka kerana (ia berasal) dari agama Hindu. Kita ambil konsep dia dan kita cuba lihat keseragaman yang terdapat dalam setiap agama dan kita boleh gunakan (selaraskan) konsep tersebut supaya (menjadi selari dan dapat disesuaikan) mengikut agama tersebut (dan) dapat menganuti(nya) tanpa (merasai) sebarang halangan. Contohnya kesayangan, konsep yang telah menjiwai setiap makhluk, setiap manusia. Itu adalah perkara-perkara yang diterangkan atau pun diberatkan oleh setiap agama. Konsep itu boleh digunakan” (TB3 2017)

Aspek positif yang disebutkan oleh responden menunjukkan penerimaannya terhadap konsep ini. Ini kerana dengan semangat dari konsep ini ia akan membawa kepada toleransi yang sememangnya diperlukan di sebuah negara berbilang kaum. TB4 menyebut toleransi akan terhasil dari ahimsa,

“So disini kita amalkan *non-violence* ni (ia) akan memupuk sikap toleransi (dan) kerjasama sebab *nonviolence* ni memang dia ajar ini semua, toleransi” (TB4 2017).

Jika di India, ahimsa bukan suatu yang asing bagi penduduk di sana. Agama-agama seperti Hindu, Jain dan Buddha menggunakan konsep yang sama dalam amalan mereka. Idea yang terkandung dalam ahimsa adalah selari dengan agama-agama seperti Kristian dan Islam. Responden TB5 memberi hujahan demikian untuk menyokong keharusan ahimsa untuk diamalkan di negara ini:

“Jadi saudara boleh melihat *ahimsa* ini sebagai satu *Pan Thought of India*. Ini bermakna mana-mana orang India yang *you* jumpa (dan) cakap dengan dia tentang *ahimsa*, tak kisah dia agama apa, dari agama-agama India seperti Buddha, Jain dan Hindu, mereka akan terima idea ini. Mereka akan terima *ahimsa*” (TB5 2017)

Petikan di atas menunjukkan bahawa ahimsa boleh diterima untuk diamalkan tanpa sebarang sempadan agama. Kemudian, dalam melaksanakan ahimsa sebagai amalan harian, seseorang itu perlu mengetahui tanggungjawab masing-masing. Ini kerana sesebuah negara yang berdaulat, terdiri daripada negeri-negeri di bawah jajahannya, komuniti, keluarga, dan individu yang saling memerlukan antara satu sama lain. Jika berlaku pergolakan daripada sekecil-kecil entiti, maka akan memberi kesan terhadap keseluruhannya. TB6 menyebut, “*We can bring the ahimsa concept but we must also qualify it by saying that everybody has a duty to do* (TB6 2017)”. Ini menunjukkan bahawa ahimsa perlu diamalkan bersekali dengan tanggungjawab seseorang itu terhadap orang yang di bawah jagaan seperti yang disebut di atas.

Apabila pengamalan ahimsa ini dapat dilakukan dengan baik, perubahan akan dapat dilihat dengan ketara. Oleh itu penerapan ahimsa di Malaysia adalah sesuatu yang mungkin, malah ia boleh menyemarakkan lagi persefahaman di kalangan semua rakyat. TB7 menyebut, “Kalau ikutkan prinsip ahimsa tu, ia akan bawa perubahan. Lagi ramai akan membawa perubahan sebagaimana yang diamalkan Gandhi” (TB7 2017).

Sebahagian responden pula, menghuraikan berkenaan perhimpunan aman dan demonstrasi yang dilakukan oleh Gandhi dengan menyebut bahawa penggunaan semangat kerohanian digabung dengan kekuatan akan mendatangkan kejayaan. Ini secara tidak langsung menunjukkan penerimaan berkenaan ahimsa Gandhi ini. Ini disebutkan oleh TB7,

“Kalau *demonstration based on spiritual power, you will change. Tapi demonstration based on normal power, it will create problem. But generally the combination of this two lah, this what will happen. Kalau more ahimsa, the better the result (will be)*” (TB7 2017).

Sebagai kesimpulannya, boleh dikatakan penerimaan tokoh Hindu terhadap ahimsa Mahatma Gandhi adalah baik. Ia boleh diamalkan di dalam negara yang berbilang kaum dan agama menerusi pelbagai medium dan cara. Konsep ini juga dikatakan boleh mengubah kepada suatu yang lebih yang baik kepada individu dan negara. Untuk berjaya kesemua perlu menjalankan tugas masing dengan baik dan menghargai hak sesiapa sahaja.

#### PENOLAKAN TERHADAP KONSEP AHIMSAA

Secara umum, para responden positif dengan ahimsa kerana ia merupakan satu konsep yang telah sedia wujud dalam agama. Namun ahimsa Gandhi dalam konteks Malaysia mempunyai reaksi yang berbeza dari mereka. Ini kerana apa yang dibawa walaupun ia sangat dikagumi oleh ramai pengkaji, ia bukan suatu yang boleh diambil secara literal tanpa melihat konteks situasi dalam sesebuah negara. Kesesuaiannya untuk diamalkan di Malaysia masih belum diketahui sebelum ini. Kini diketahui bahawa apa yang dikagumi berkenaan dengan Gandhi, sebenarnya kurang sesuai untuk diamalkan jika tidak diambil kira keadaan setempat. Ini seperti yang dinyatakan oleh TB5,

“Saya rasa kita jangan bawa Gandhi ke sini, kita tinggalkan Gandhi, kerana ontologi (suasana setempat). Dari segi perspektif ontologi, Gandhi berbeza daripada kita. Kerana dia punya ontologi dekat India dan zaman dia adalah berlainan. Jadi apa yang kita perlukan ialah semangat ahimsa sahaja yang boleh diaplikasikan, yang boleh diterimapakai disini. Jadi, kita tak perlu *copy* Gandhi, kita tak boleh *copy* Gandhi kerana peribadi dia lain, kita lain. Tapi kita boleh ambil satu senjata yang telah digunakan oleh beliau kerana senjata itupun bukan milik dia” (TB5 2017)

Terdapat dua perkara yang menjadi sebab kepada penolakan oleh TB5. Pertama, keadaan setempat tidak sama dengan keadaan semasa

penentangan yang dilakukan oleh Gandhi. Jadi ahimsa Gandhi tidak boleh diamalkan secara seratus peratus di negara ini. Ia memerlukan pemerhatian yang baik dan setiap perkara perlu kepada penelitian oleh orang yang betul-betul memahaminya sebelum boleh diamalkan oleh semua. Kedua, ahimsa merupakan satu senjata yang hebat. Senjata ini amat berbahaya jika disalah guna. Namun daripada senjata ini, ada satu perkara yang boleh diambil iaitu semangat ahimsa. Ini adalah milik semua. Hanya ini yang boleh dibawa untuk diamalkan di Malaysia. Pada ketika ini, dalam konteks Malaysia, amalan ahimsa secara amnya diterjemahkan oleh penganut Hindu dengan pengamalan pemakanan secara vegetarian. Walaupun begitu, terdapat banyak lagi nilai positif yang menjadi amalan seharian mereka.

Perkara lain yang menyebabkannya kurang sesuai ialah ia menggalakkan pihak yang zalim untuk sewenang-wenangnya melakukan kejahatan dengan lebih lagi. Ini kerana, seorang ketua seharusnya melindungi orang bawahannya, bukan mendedahkan mereka kepada bahaya. Inilah yang ditegaskan oleh TB6,

“*Mahatma Gandhi's concept of not protecting, defending yourself, we quite disagree because you only encouraging the evil forces to do more evil. So one has to defend it. Just like a child, a mother always protects the child from anyone. So in that sense, defenses*” (TB6 2017).

Berdasarkan hujah di atas, konsep ahimsa Gandhi ini tidak diterima dengan baik, walaupun konsep ini sememangnya datang dari agama Hindu. Namun sebahagian besarnya, merupakan pemahaman yang Gandhi terjemahkan mengikut kefahamannya sendiri. Jadi dari sudut ini, ia memberikan gambaran negatif terhadap apa yang dibawa oleh Gandhi, lantas menyebabkannya ditolak, jika ia menyebabkan lebih banyak mudarat. Penolakan juga disebabkan ianyatidak menepati roh ahimsa yang sebenar. Ini dapat dilihat dari respon TB6, “*He took it from Hinduism but his understanding, we don't accept, it's not fully right*” (TB6 2017)

Pandangan Gandhi yang berbeza dari konsep sebenar ini tidak diterima dengan baik oleh responden. Beliau menjelaskan lagi hujahnya atas pandangannya itu. Beliau memberi analogi yang agak panjang untuk menerangkan penolakannya terhadap gerakan penentangan yang dilakukan oleh Gandhi pada masanya itu. Ini kerana Gandhi telah menyebabkan ramai orang terkorban dalam memperjuangkan misinya. Oleh sebab itu, konsep



Gandhi ini dikatakan tidak lengkap dan tidak seharusnya digunakan.

*“So similarly, we also believe that we don't violate anybody to live. We accept that, but the understanding that at the same time one should protect somebody who depend on him. When somebody dependent on you and you don't protect then you disqualified as a leader. If I hired 100 people behind me either they are workers in the factory or I'm a general with my army or I'm a learned man with all this people, I have to protect this people who depend on me. If I don't protect them, then I'm not really a leader. I'm just using them. That's the concept using... That's mean... So this way many people were sacrificed in nonviolent movement, were sacrificed -you know-... So British took advantage. So one has to protect people in this necessary to protect. So Gandhi's concept of nonviolent was not complete. Was not complete...”* (TB6 2017)

Pemimpin seharusnya mempunyai ciri-ciri sebagai pelindung orang bawahannya. TB6 sangat mengambil berat tugas pemimpin untuk menjaga keselamatan orang bawahannya. Kegagalan untuk memahami tugasannya, akan menjadikannya tidak layak untuk memimpin. Pihak lawan telah mengambil kesempatan dari keadaan yang diwujudkan oleh Gandhi sendiri. Beliau menyimpulkan bahawa untuk konsep ini tidak semudah seperti yang digambarkan oleh Gandhi. TB6 dalam ujarannya, *“The concept of nonviolent is not easy as Gandhi was telling”* (TB6 2017). Ini menunjukkan perlunya ahimsa diperhalusi untuk mendapatkan kesesuaiannya bagi sesuatu tempat dan suasana. Ia memerlukan golongan yang berkepakaran bagi memastikan kesan-kesan yang baik dirasai oleh semua.

Seharusnya Gandhi tidak membiarkan para pengikutnya disakiti oleh pihak penguasa. Menjadi tugas setiap orang untuk menghalangnya kerana perbuatan mengizinkan seseorang disakiti adalah bersamaan dengan bersetuju dengan kekerasan. TB6 menganggap Gandhi telah gagal dalam melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin malah telah melakukan kekerasan *himsa*. TB 6 menegaskan,

*“So concept of nonviolent if somebody who is weak and dependent on our mercy, then somebody else try to exploit them. Then that is my duty to interfere and stop that violent. Then if I keep quiet and let him go, that is violent”* (TB6 2017).

Responden mencadangkan seharusnya Gandhi tidak membiarkan pengikut-pengikutnya mengalami kecederaan dan kesakitan semasa penentangannya itu. Disebabkan inilah Gandhi dianggap telah melakukan kesilapan semasa penentangannya

terhadap pihak British. Ini yang disuarakan oleh TB6, *“That's the concept being of Gandhi ahimsa. So that we consider a mistake”* (TB6 2017). Begitulah pandangan responden TB6 berkenaan ahimsa yang dibawa oleh Gandhi. Beliau menyebutnya dengan alasan-alasannya tersendiri. Paling utama ialah kegagalan Gandhi dalam melaksanakan ahimsa sepenuhnya. Dari satu sudut, Gandhi kelihatan sebagai pengamal ahimsa sejati. Pada satu sudut yang lain, beliau dilihat telah melakukan himsa.

Sebagai rumusan, penolakan ahimsa yang utarakan oleh para responden ini bukan secara mutlak. Ini kerana semasa responden menjelaskan berkenaan ahimsa agama Hindu, mereka memandangnya dengan pandangan yang positif. Cuma, apabila ahimsa ini dikaitkan dengan Gandhi, mereka mempunyai pandangan yang berbeza. Mereka menerimanya dengan syarat-syarat sebagaimana yang telah dinyatakan dan menolak apabila tidak menepati syarat yang dinyatakan. Responden secara umumnya bersetuju dengan konsep ahimsa Gandhi dari sudut pengamalannya sebagai vegetarian begitu juga sikap toleransi Gandhi terhadap semua agama. Nilai-nilai murni yang ditunjukkan oleh Gandhi dapat diterima baik oleh mereka. Hanya dalam hal yang melibatkan politik dan penentangan terhadap pemerintah, ia ditolak oleh mereka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan temu bual responden tersebut, penulis mendapati bahawa semua bersetuju dengan ahimsa yang diambil dari konsep yang sedia wujud di India. Namun tidak semua bersetuju dengan konsep yang dibawa oleh Gandhi. Bagi yang bersetuju, mereka sangat mengalu-alukan ahimsa Gandhi untuk diamalkan di mana-mana termasuk di Malaysia. Bagi yang tidak bersetuju, mereka menolak ahimsa Gandhi dari sudut tertentu dengan hujjah mereka tersendiri. Pandangan berkenaan Gandhi ini dapat memberi maklumat dan pendedahan mengenai konsep ahimsa kepada penganut Hindu dan juga rakyat Malaysia secara amnya. Penyesuaian dengan persekitaran di Malaysia diperlukan untuk menjadikan semua menikmati hidup yang harmoni.

## RUJUKAN

- Bodewitz, H. W. 1999. Hindu Ahimsa and its roots. Dlm. *Violence Denied: Violence, Non-Violence and the Rationalization of Violence*, disunting oleh Jan E.

- M Houben & K. R. Van Kooij. Netherland: Brill Laiden.
- Fischer, L. 1951. *Mahatma Gandhi- His Life & Times*. London: Bharatiya Vidya Bhavan.
- Gelderloos, P. 2007. *How Nonviolence Protects the State*. USA: South End Press. [https://decarcerating.files.wordpress.com/2013/02/how\\_nonviolence\\_protects\\_state.pdf](https://decarcerating.files.wordpress.com/2013/02/how_nonviolence_protects_state.pdf)
- Gelderloos, P. 2013. *The Failure of Nonviolence: From the Arab Spring to Occupy*. 2<sup>nd</sup> edition. USA: Left Bank Books.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. *Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Agama, Jantina dan Negeri, Malaysia, 2010*. Putrajaya.
- Jashni, S. M., & Mousavi, N. 2014. The concept of nonviolence in Islam and in Mahatma Gandhi's thought. Dlm. *Asian Dialogue: Asian Religions and Cultures*, disunting oleh M. D. Rehza, 60–83. Iran: Islamic University of Tehran.
- Klitgaard, R. E. 1971. Gandhi's non-violence as a tactic. *Journal of Peace Research* 8(2): 143-153.
- Kuntjojo. 2006. *Metodologi Penelitian*. Kediri: Universitas Nusantara.
- M. K. Gandhi. n.d. *The Story of My Experiments with Truth*. Ahmedabad: Navajivan Publishing House.
- M. K. Gandhi. n.d. *Truth is God*. (R. K. Prabu, Ed.). Navajivan Publishing House.
- M. K. Gandhi. 2000) *The Story of My life*. (B. Kumarappa, Ed.) 2<sup>nd</sup> edition. Ahmedabad: Navajivan Publishing House.
- Noor, F. A. 2008. *The Hindu Rights Action Force (HINDRAF) of Malaysia: Communitarianism Across Borders?* (No. 163). Singapore.
- Olson, C. 2014. The conflicting themes of nonviolence and violence in ancient Indian asceticism as evident in the practice of fasting. *International Journal of Dharma Studies* 2(1): 1-14.
- Sarma, P. 2001. *A Critical Study of Gandhi's Concept of Religion*. Dispur College.
- Schock, K. 2013. The practice and study of civil resistance. *Journal of Peace Research* 50(3): 277-290.
- Sharp, G. 1959a. Research project on "totalitarianism and non-violent resistance." *The Journal of Conflict Resolution* 3(2): 153-161.
- Sharp, G. 1959b. The meanings of non-violence: a typology (revised'). *Journal of Conflict Resolution* 3(1): 41-66.
- Sharp, G., & Safieh, A. 1987. Gene sharp: Nonviolent struggle. *Journal of Palestine Studies* 17(1): 37-55.
- Singh, B. 2009. MALAYSIA IN 2008 The Elections That Broke the tiger's back. *Asian Survey* 49(1): 156-165.
- Subramaniam, M. 2011. An Introduction to the concept of vegetarianism among Hindus in Malaysia. *Jurnal Pengajian India* 10(1): 51-60.
- United Nations. t.th. International Day of Non-Violence 2 October. Retrieved September 30, 2017, from <http://www.un.org/en/events/nonviolenceday/>
- Walli, K. 1974. *The Conception of Ahimsa in Indian Thought*. India: Bharata Manisha. <https://archive.org/details/in.ernet.dli.2015.546899>
- Zunes, S. 2000. Nonviolent action and human rights. *Political Science and Politics* 33(2): 181-187.
- Zulkeffly Adimun (corresponding author)  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan  
Kompleks Pusat Islam  
Jalan Perdana 50676  
Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mail:zul.adi81@gmail.com
- Indriaty Ismail  
Pusat Akidah dan Keamanan Global,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor  
Malaysia  
E-mail:indriaty@ukm.edu.my
- Received: 2 May 2018  
Accepted: 20 May 2019